



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERLIS**

Tingkat 3, Bangunan Persekutuan  
Persiaran Jubli Emas  
01000 Kangar  
PERLIS

Telefon : 04-9762766/9762735  
04-9762657/9762744  
Faks : 04-9762668  
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/perlis>

Ruj. Kami : ANM.Ps(A)0043 Jld10(93 )  
Tarikh : 1 MAC 2023

Pengurus  
CIMB Bank Kangar  
Jalan Penjara  
01000 Kangar  
**PERLIS**  
(u.p :Pn Norhayati bt Mahmud)

Tuan

**NOTIFIKASI STATUS BAYARAN iGFMS UNTUK MENGAMBIL TUNAI DI KAUNTER  
BANK BAGI AKAUN TRANSIT PANJAR WANG RUNCIT JABATAN AKAUNTAN  
NEGARA MALAYSIA (JANM) PERLIS**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Baru-baru ini pada 23.02.2023 pihak JANM PERLIS telah mengadakan perbincangan dengan Pengurus Bank CIMB.

3. Sehubungan itu, hasil perbincangan telah dipersetujui bahawa semasa wakil pihak PTJ mengambil tunai dibank, wakil PTJ akan membawa PERINCIAN BAYARAN iGFMS yang dijana daripada sistem emaklum(<http://emaklumweb.anm.gov.my>) dan telah ditandatangani pengesahan oleh Ketua Jabatan atau pegawai-pegawai yang telah diberi kuasa( seperti nama-nama yang tertera di dalam Borang Kuasa Tetap AK52). Untuk makluman, wakil PTJ adalah pegawai-pegawai dari pejabat-pejabat kerajaan yang diberi kuasa untuk mengambil tunai dibank. Bersama-sama ini disertakan contoh emaklum untuk rujukan tuan.

4. Sebarang maklumat lanjut berhubung perkara ini boleh dirujuk kepada Unit Akaun, JANM Perlis ditalian 04-9762766.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"**

Saya yang menjalankan amanah,

( DATIN SALWANI BINTI RAHMAT C.A.(M) )  
Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Perlis

[asmeeza@anm.gov.my](mailto:asmeeza@anm.gov.my)